

Headline	UMNO Tanah Merah anjur sesi taklimat ke UiTM		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	06 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	459,793
Page No	16	Readership	1,854,000
Language	Malay	ArticleSize	347 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,845
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,535



UMNO Tanah Merah anjur sesi taklimat ke UiTM

TANAH MERAH 5 April - Lebih 1,000 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) menghadiri program taklimat kemasukan ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) peringkat Parlimen Tanah Merah di sini hari ini.

Program anjuran UMNO Bahagian Tanah Merah dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Anak Tanah Merah (Permata) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Tanah Merah itu membuka peluang kepada pelajar mendapat penerangan mengenai program yang ditawarkan UiTM.

Ketua UMNO Bahagian Tanah Merah, **Datuk Ikmal Hisham Abdul Aziz** berkata, taklimat sedemikian dibuat setiap tahun bagi menarik lebih ramai anak Tanah Merah melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.

"Melalui program ini, pelajar akan diberi ceramah serta sesi soal jawab bagi memudahkan mereka mendapatkan maklumat secara terperinci mengenai bidang pengajian yang ditawarkan sesuai dengan pencapaian yang diperolehi," katanya kepada

pemberita selepas menghadiri program taklimat berkenaan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanah Merah (1).

Yang turut hadir Rektor UiTM Kelantan, Prof. Madya Datuk Dr. Hilmi Ab. Rahman; Pengarah Bahagian Pengambilan Pelajar UiTM,

Nizam Nordin; Pengarah Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB), Prof. Madya Mohd. Hanafiah Harun dan Ketua Pegawai Pendidikan Daerah

Tanah Merah, Che Abdullah Mohammad.

Dalam pada itu, Ikmal Hisham berkata, UMNO Tanah Merah juga

akan terus membantu dan membuka peluang kepada mana-mana pelajar yang ingin mengemukakan rayuan bagi meneruskan pengajian mereka ke UiTM.

"Kita akan sentiasa membantu pelajar di daerah ini kerana yang penting mereka perlu ada keinginan untuk terus belajar," katanya.

Pihaknya turut berterima kasih kepada Naib Canselor UiTM, Prof. Tan Sri Dr. Sahol Hamid yang banyak membantu menjayakan program tersebut.

Sementara itu, seorang pelajar, **Nurul Shahiran Rosman**, 20, berkata, program taklimat kemasukan ke UiTM yang dianjurkan bertepatan dalam membantunya memilih program ditawarkan.

"Dengan adanya taklimat sebegini, dapat membantu saya mengenal pasti bidang yang bersesuaian dengan keputusan yang diperolehi.

"Selepas menghadiri sesi taklimat ini juga, saya sudah tahu program yang harus dipohon kerana saya sememangnya berhasrat meneruskan pengajian ke UiTM," katanya.



IKMAL Hisham Abdul Aziz (tengah) bersama lebih 1,000 pelajar lepasan SPM dan STPM yang menghadiri Program Taklimat Kemasukan ke UiTM peringkat Parlimen Tanah Merah di Tanah Merah, Kelantan, semalam. - mingguan/Rosmizan Resdi